U 0111 AAB
ULANGAN DENGAN PEMBETULAN NAMA DAN JAWATAN DALAM PARA LIMA

MAHATHIR-KELUAR B'B'B'
I
KUALA LUMPUR, 3 FEB (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI DIBENARKAN PULANG KE RUMAH SELEPAS 18 HARI MENJALANI RAWATAN DI HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR DI SINI.

SEMASA DI HOSPITAL, BELIAU MENJALANI PEMBEDAHAN PINTASAN KORONARI.

PASUKAN YANG MELAKUKAN PEMBEDAHAN TERDIRI DARIPADA PAKAR-PAKAR BEDAH JANTUNG YAHYA AWANG DAN ROZALI WATHOOTH DAN KETUA PAKAR BIUS DATUK DR S. RADHA KRISHNA.

DATUK SERI DR MAHATHIR DIMASUKKAN PADA 18 JAN SELEPAS MENGADU SAKIT DADA.

PERDANA MENTERI MENINGGALKAN WAD ORANG KENAMAAN PADA PUKUL 11 PAGI DIIRINGI OLEH ISTERINYA DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH, ADIK IPARNYA BEKAS MENTERI BESAR SELANGOR DATUK HAJI AHMAD RAZALI MOHD ALI DAN MENTERI KESIHATAN DATUK CHAN SIANG SUN.

TERDAHULU DARIPADA ITU, IMAM MASJID HOSPITAL BESAR ENCIK RADZMI OSMAN MEMBACAKAN DOA SELAMAT. -- LAGI
1230MST 03 02 89

0123
U 0116 AAB
MAHATHIR-KELUAR 2 KUALA LUMPUR B'B'B'

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG MEMAKAI BUSJAKET, BERJABAT TANGAN DENGAN KAKITANGAN HOSPITAL DI WAD SEBELUM BEREDAR KE LIF HOSPITAL.

RAMAI DI KALANGAN DOKTOR, JURURAWAT DAN ATENDAN HOSPITAL MENUNGGU PERDANA MENTERI DI LUAR PINTU MASUK KE WAD ITU UNTUK MENGUCAPKAN SELAMAT JALAN.

MEREKA JUGA MEREWTANG SATU SEPANDUK YANG BERBUNYI +SAUDARA PERDANA MENTERI. WE CARE FOR YOU. DIIRINGI DENGAN KESEJAHTERAAN UNTUK MU SETIAP MASA DENGAN PENUH KASIH. DARIPADA SEMUA KAKITANGAN HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR+.

SEBELUM MASUK KE KERETA RASMINYA, PERDANA MENTERI YANG KELIHATAN BERTAMBAH SIHAT MELAMBAI-LAMBAI KEPADA MEREKA YANG HADIR.

PENGARAH HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR DATUK DR C. FONSEKA MENYIFATKAN PERDANA MENTERI SEBAGAI PESAKIT CONTOH YANG TIDAK BANYAK CEREWET.--LAGI
1306MST 03 02 89

0126
U 0117 AAB
MAHATHIR-KELUAR 3 KUALA LUMPUR B'B'B'

SEMASA BERCAKAP KEPADA PEMBERITA, BELIAU BERKATA PARA DOKTOR YANG MENJALANKAN PEMERIKSAAN KE ATAS DATUK SERI DR MAHATHIR BERPUAS HATI DENGAN KESIHATAN DAN KEADAAN JANTUNGNYA.

+PERDANA MENTERI AKAN BEREHAT DI RUMAHNYA TETAPI TELAH DINASIHATI OLEH PARA DOKTOR SUPAYA MENGHADKAN SILANGAN PELAWAT,+ KATANYA.

DATUK DR FONSEKA BERKATA PARA DOKTOR AKAN MEMERIKSA KEADAANNYA DALAM MASA TEMPOH ENAM MINGGU LAGI DAN PERDANA MENTERI DIJADUALKAN DAPAT MENJALANKAN TUGAS RASMINYA SELEPAS ITU.

BELIAU BERKATA HOSPITAL BESAR BERBANGGA KERANA PERDANA MENTERI MEMILIH MENJALANI PEMBEDAHAN BERKENAAN DI HOSPITAL ITU.

+INI MENUNJUKKAN KEPERCAYAAN BELIAU TERHADAP DOKTOR-DOKTOR KITA,+ KATANYA.

BELIAU YAKIN LEBIH RAMAI ORANG KENAMAAN AKAN MENJALANI PEMBEDAHAN YANG SAMA DI HOSPITAL BESAR ITU.

SEMENTARA ITU, DI SRI PERDANA DATUK SERI DR MAHATHIR DISAMBUT OLEH ANGGOTA KELUARGA DAN SANAK SAUDARA. -- BERNAMA
1313MST 03 02 89